56 kakitangan kerajaan sertai zumba anjuran AKRAB

RIADAH. Seramai 56 kakitangan agensi kerajaan menyertai aktiviti zumba 'Fitness La Fiesta' anjuran Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Jabatan Perkhidmatan Pembenturngan (JPP) di Dewan Podium A, Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Putrajaya baru-baru ini.

Menurut penyelaras program, Zuraida Suhartini Asiak, aktiviti tersebut diadakan bagi menggalakkan kakitangan kerajaan menyertai aktiviti yang berorientasikan sukan agar lebih sihat dan bertenaga semasa bertugas.

Program tersebut akan diadakan secara berterusan berikutan sambutan yang menggalakkan daripada peserta.

Komuniti Kita

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita* kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my

PESERTA zumba bergambar kenangan selepas aktiviti tersebut di Dewan Podium A, Menara KBS, Putrajaya baru-baru ini.